

Headline **Pesakit HIV/Aids disisih, gereja jadi tempat berlindung!**
Date **16 Jul 2009**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
ADValue **2,310**

Language **Malay**
Page No **14**
Article Size **420 cm²**
Color **Full Color**
PRValue **6,930**



AKIBAT tidak diendahkan keluarga kerana menghidap Aids mereka hanya ada tiga pilihan iaitu mati di tepi jalan, hidup merempat ataupun tinggal di gereja.

Bagi mereka yang hidup bagai di hujung tanduk ini, sudah tidak ada pilihan lain lagi selain terpaksa meneruskan sisa hidup di sana sebagai tempat berteduh dan mengadu nasib.

Namun, sampai bila pembawa virus HIV ini akan terus menumpang kasih di tempat orang sekiranya kita hanya melihat dan mendengar keluhan mereka sahaja!

Wartawan Sinar Harian (SH), Mohd Khairul Azizi, Izra Abd Rahman dan Connie S Monical cuba mengupas punca permasalahan ini.

Pesakit HIV/Aids disisih, gereja jadi tempat berlindung!

Kunjungan Sinar Harian bersama sekumpulan badan bukan kerajaan (NGO) ke sebuah gereja di Selangor yang menempatkan sebilangan pesakit HIV/Aids Islam memberi pengalaman yang sukar dilupakan.

Dalam pertemuan bertentangan mata buat pertama kali itu, kelu lidah untuk memulakan bicara, apatah lagi mahu mengeluarkan kata-kata mengeluarkan kata-kata.

Yang mampu dibuat hanyalah sekadar menatap satu persatu wajah mereka dengan perasaan bercampur baur.

Agak lama juga untuk masa yang diambil untuk memulakan bicara.

Benarlah kata Muhamad Abdullah atau dikenali sebagai Ustadz Amin yang terkedu tatkala dijemput pertama kali untuk memberi ceramah agama yang akhirnya hanya menjadi sesi suai kenal sahaja.

"Saya hilang kata-kata. Tidak tahu hendak beri ceramah agama atas tajuk apa? Adakah tajuk Islam itu indah dan berkasih sayang? Saya akui sukar untuk saya menyampaikan ceramah agama di situ" kata Muhamad ketika mengimbas kembali penemuannya dengan mereka ini.

Dalam perbualan hampir sejam bersama penghuni beragama Islam di situ, rata-rata memberitahu mereka tiada



Sebahagian daripada pesakit HIV/Aids mendapat perlindungan di gereja berikutan dibelenggu persepsi negatif masyarakat.

tempat tinggal, tiada pemulihan dan tiada perlindungan dalam meneruskan kehidupan.

Tambahan pula, mereka tidak tahu di manakah pusat perlindungan yang diselikan oleh orang Islam yang sanggup mengambil dan menjaga mereka dengan baik tanpa mengenakan sebarang caj atau pun bayaran.

"Kami di sini dijaga dengan

begitu baik 'bagaikan menatang minyak yang penuh'," kata seorang penghuni Islam di sini.

Mereka berulang kali mengakui dijaga dengan baik, malah mereka turut dimandikan, diberi makan ubat mengikut masa, dipakaikan lampin yang mungkin tidak dinikmati mereka di luar.

Difahamkan pusat ibadat itu

mampu menampung 43 pesakit HIV/Aids dalam satu masa dan ketika kunjungan, terdapat 37 pesakit di bawah seliaan termasuk 14 daripadanya adalah pesakit beragama Islam.

Di gereja itu juga disediakan sebuah bilik kecil yang dijadikan sebagai surau untuk pesakit beragama Islam menunaikan solat.